

SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN GALERI KEBUDAYAAN
DAN PELANCONGAN KAMPONG AYER

1. Jumlah had maksima dalam bangunan Galeri pada satu-satu masa adalah seramai 150 orang sahaja.
2. Perkhidmatan pengangkutan dan buruh tidak akan disediakan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi permohonan penggunaan Galeri tersebut.
3. Pembuatan kelengkapan perhiasan tambahan hanya dibenarkan selepas jam 5 petang.
4. Pemohon hendaklah membersihkan kawasan Galeri yang telah digunakan sebaik sahaja acara tersebut selesai dijalankan. Pemohon juga hendaklah memastikan peralatan-peralatan dan kelengkapan-kelengkapan dalam Galeri yang dipinjam berada dalam keadaan baik dan dikembalikan kepada tempat asalnya selepas acara selesai dijalankan.
5. Pemeriksaan akan dilakukan setelah setiap acara selesai dijalankan. Jika didapati kerosakan-kerosakan atau kehilangan harta benda Kerajaan dalam penggunaan Galeri tersebut, pemohon akan dikenakan kos pembaikan/gantian ke atas kerosakan-kerosakan/kehilangan tersebut. Di samping itu juga jika didapati tahap kebersihan di Galeri tersebut kurang memuaskan semasa pemeriksaan dibuat, kerja-kerja pembersihan akan dilakukan dan kos pembersihan tersebut akan dikenakan kepada pemohon.
6. Pemohon hendaklah menasihatkan pihak penyediaan permakanan (catering service provider) untuk tidak melakukan perkara-perkara seperti dibawah selepas acara dijalankan:
 - Membuang apa jua jenis sampah sarap (termasuk sisa makanan) ke dalam sungai. Semua jenis sampah sarap hendaklah dibawa semula ke darat.
 - Membuat kerja-kerja cucian (dish washing) di Galeri selepas acara dijalankan.
7. Pemohon juga tidak dibenarkan membuat perkara-perkara yang menganggu ketenteraman awam dan/atau melanggar undang-undang negara.
8. Pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan tidak bertanggungjawab diatas kemalangan-kemalangan yang terjadi di dalam dan kawasan Galeri sewaktu acara dijalankan.